



UPM-Desmet Jalin Penyelidikan Specialty Fats Minyak Kelapa Sawit



Naib Canselor UPM Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Pengarah Desmet Ballestra (M) Sdn Bhd, Khoon Kiak Kern (kanan) bertukar dokumen Mou.

SERDANG 6 Julai – Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Desmet Ballestra dari Belgium untuk penyelidikan menghasilkan specialty fats (lemak khusus) dari minyak kelapa sawit menggunakan loji pandu pilot plant.

Syarikat itu bercadang membuat penyelidikan dengan Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan UPM untuk menempatkan sistem fraksinasi minyak kelapa sawit bernilai RM75,000.


Pengarah Desmet Ballestra (M) Sdn Bhd, Khoon Kiak Kern berkata penyelidikan bersama itu akan mengoptimumkan proses pembekalan pelbagai jenis specialty fats di mana sistem itu boleh membuat fraksinasi sehingga 200 kg minyak kelapa sawit dalam satu percubaan.



“Syarikat kami juga membuat penyelidikan bersama universiti-universiti di Eropah dan Amerika Syarikat. Penyelidikan berkenaan kelapa sawit pula akan dibuat dengan universiti tempatan,” katanya.

Khoon juga berkata permintaan pengguna terhadap produk daripada specialty fats yang berkualiti tinggi dengan harga berpatutan seperti coklat, ais krim, aising kek dan keju Vegan semakin meningkat.

Naib Canselor UPM Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pesefahaman itu berpotensi melahirkan modal insan pengajian ekonomi yang diperlukan oleh dasar ekonomi baru kerajaan.



“Malaysia harus melabur lebih banyak dalam penyelidikan nutrisi kelapa sawit dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan masyarakat bagi mengoptimumkan sumber itu,” katanya.

Beliau juga berkata penyelidikan bersama Desmet memberi peluang kepada pelajar program Kejuruteraan Makanan UPM untuk mengikuti latihan praktikal dan mendapat pendedahan dalam menghasilkan specialty fats dengan menggunakan tenaga yang efisien.

Majlis itu turut dihadiri Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof. Dr. Mohd. Saleh Jaafar, Ketua Jabatan Dr. Yus Aniza Yusof, Professor Madya Dr. Chin Nyuk Ling dan Dr. Mohd Noriznan Mokhtar.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Parimala Subramani 'wartawan pelatih' 03-89466014).